



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**HARI BELIA NEGARA @ KL 2024
DAN PENYAMPAIAN ANUGERAH PERDANA BELIA
NEGARA PERINGKAT KUALA LUMPUR 2024**

18 MEI 2024

**KOMPLEKS RAKAN MUDA
BUKIT KIARA**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izin dan kurnianya dapat kita bersama-sama berhimpun pada hari ini bagi meraikan Sambutan Hari Belia Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2024 bertemakan Yakin Boleh.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih buat Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Majlis Belia Wilayah Persekutuan serta semua rakan-rakan strategik yang terlibat dalam menjayakan hari yang bersejarah buat golongan belia ini.

3. Tidak terlambat juga untuk saya ucapkan Selamat Hari Belia Negara kepada semua yang ada di hadapan saya ini.

4. 15 Mei pada setiap tahun merupakan Hari Belia Negara yang kita raikan sebagai simbolik kebersamaan pihak Kerajaan dan belia dalam proses mentransformasikan pembangunan belia serta dalam mewujudkan satu suasana yang aman dan harmoni selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

5. Hari Belia Negara ini mula disambut buat kali pertama pada tahun 1964, iaitu 60 tahun yang lalu, seusia dengan saya.

6. Sambutan HBN ini merupakan satu pengiktirafan pihak Kerajaan terhadap komitmen, usaha dan kecemerlangan generasi belia sebagai rakan pembangunan negara.

7. Pada tahun ini, tema yang dipilih adalah “Yakin Boleh”. Saya melihat tema ini sangat signifikan untuk memmanifestasikan bahawa belia mesti mempunyai keyakinan yang tinggi dalam mencapai apa jua yang dikehendakkan dan tidak mustahil, jika kita yakin dengan diri kita, kita boleh capai semua perkara dengan mudah.

KERAJAAN MELETAKKAN ANTARA FOKUS BELANJAWAN 2024 KEPADA BELIA

Saudara-saudari sekalian,

8. Kerajaan di bawah pimpinan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim sentiasa meletakkan satu fokus yang besar kepada segmen belia.

9. Sebagai contoh, pada pembentangan Belanjawan 2024 yang lalu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan 16 insentif untuk belia dan salah satu insentif tersebut adalah untuk Rakan Muda berjumlah RM 20 juta.

10. Dalam pada itu, pihak Kerajaan juga turut memberi penekanan kepada Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional atau TVET yang sudah pasti menyasar kepada segmen belia dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM 6.8 bilion.
11. Ini merupakan antara komitmen yang dizahirkan oleh Kerajaan MADANI kepada peneraju masa depan negara Malaysia, iaitu golongan belia.

**PELANJUTAN TARIKH PERMOHONAN
SEBAGAI AHLI SIDANG BELIA WILAYAH
PERSEKUTUAN**

Saudara saudari sekalian,

12. Pada 7 Mei 2024 yang lalu, saya telah melancarkan satu program khusus untuk belia di Wilayah Persekutuan yang diberi nama Sidang Belia Wilayah Persekutuan.

13. Sidang Belia Wilayah Persekutuan atau SBWP ini merupakan platform ala parlimen yang akan melibatkan golongan belia di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan, baik di Kuala Lumpur, Putrajaya mahupun di Labuan. Ini adalah pertama kali sesi seperti ini kita adakan di Wilayah Persekutuan.

14. Program ini saya inspirasikan setelah mendengar sendiri permohonan dari golongan belia pada sesi Temu Rapat yang saya adakan sebelum ini yang menginginkan suara mereka didengari. Sehubungan itu, platform ini adalah amat bersesuaian dan kena pada masanya.

15. Untuk makluman semua, sepatutnya tarikh tutup permohonan sebagai ahli sidang bagi SBWP ini telah tutup pada tengah malam tadi. Namun, saya menerima banyak cadangan agar permohonan sebagai ahli sidang ini dilanjutkan bagi memberi peluang lebih ramai belia untuk memohon.

16. **Sehubungan itu, sukacita saya mengumumkan bahawa, saya bersetuju agar permohonan sebagai ahli Sidang Belia Wilayah Persekutuan dilanjutkan sehingga 31 Mei 2024 ini.**

17. Saya menyeru kepada semua belia khususnya yang ada di depan saya ini, untuk membuat permohonan melalui laman web sidangbeliawp.my serta turut sama terlibat dalam memberi pandangan, cadangan dan kritikan membina dalam menjadikan Wilayah Persekutuan ini sebuah bandar yang berdaya huni.

18. Insya-Allah, suara anda yang terpilih sebagai ahli sidang, iaitu seramai 65 orang atau 5 orang wakil bagi setiap kawasan Parlimen, akan didengari oleh pihak Kerajaan, khususnya di Jabatan Wilayah Persekutuan.

LAKSANAKAN PELAN TRANSISI

Para hadirin sekalian,

19. Saya menyeru pertubuhan-pertubuhan belia untuk segera melaksanakan pelan transisi untuk melahirkan pelapis yang berkualiti.

20. Saya fikir sudah sampai masanya untuk pertubuhan belia digerakkan oleh generasi belia yang berumur 30 tahun ke bawah seiring dengan keputusan pindaan had umur belia melalui Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 yang akan berkuat kuasa Januari 2026 ini.
21. Sudah pasti, penguatkuasaan pindaan kepada akta ini akan mengubah landskap dan corak kepimpinan pergerakan belia di Malaysia.

22. Selangkah ke hadapan, saya menyeru semua pertubuhan belia, khususnya di Kuala Lumpur dan Putrajaya untuk memastikan komposisi kepimpinan yang lebih inklusif, merangkumi semua kelompok belia.
23. Sebagai langkah pertama, semua pertubuhan belia perlu bergerak ke arah sekurang-kurangnya 30 peratus keahlian wanita di semua peringkat kepimpinan dalam organisasi masing-masing.

**PENERIMAAN
PENGANUGERAHAN
PENAUNG MAJLIS BELIA
PERSEKUTUAN**

**LAMARAN
SEBAGAI
WILAYAH**

Para hadirin sekalian,

24. Sebentar tadi, anakanda Khairul Rizam, Presiden Majlis Belia Wilayah Persekutuan telah melamar saya sebagai Penaung Majlis Belia Wilayah Persekutuan.

25. **Di sini saya ingin umumkan bahawa saya dengan berbesar hati menerima lamaran tersebut sebagai Penaung Majlis Belia Wilayah Persekutuan.**

26. Insya-Allah saya berharap pihak MBWP turut dapat memberikan kerjasama yang terbaik kepada saya selaku Penaung MBWP.

27. **Saya juga dengan ini bersetuju untuk meluluskan sejumlah RM 50,000.00 untuk digunakan sebagai dana pentadbiran bagi Majlis Belia Wilayah Persekutuan.**

PENUTUP

Saudara saudari sekalian,

28. Walaupun ada pihak meragui kemampuan belia dalam memimpin, namun peluang sebegini dilihat sebagai jalan terbaik untuk negara menampilkan bakal pemimpin berkaliber pada masa akan datang.

29. Akhir kata, sekali lagi Selamat Hari Belia Negara kepada semua belia di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya khususnya. Semoga belia Malaysia ini akan dapat menyerlahkan prestasi kecemerlangan dalam bidang masing-masing demi masa hadapan generasi muda yang lebih cerah. Marilah kita bersama-sama membangunkan negara. **Yakin Boleh!**

30. Dengan lafaz mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Sambutan Hari Belia Negara dan Majlis Penyampaian Anugerah Perdana Belia Negara Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2024.

Sekian.

Wabillahi Taufiq Walhidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Terima kasih.